**DATE : 26 MARCH 2019 (TUESDAY)**
**PAPER : NEW STRAITS TIMES (25 MARCH 2019, 7.29 PM)**
**TITLE : TRANSPORT MINISTER SEES GREAT FUTURE FOR LIMA**
**BY : JOHN GILBERT**

NEW STRAITS TIMES
25 MARCH 2019 (7.29 PM)
BY: JOHN GILBERT

# Transport Minister Sees Great Future for Lima

LANGKAWI: Future Langkawi International Maritime and Aerospace (Lima) exhibitions will place Malaysia in the global maritime and aerospace arena should the current momentum of local and international participation trend continue.

Transport Minister Anthony Loke said with 51 per cent international and 49 local exhibitors for Lima 2019, it would augur well for Malaysia's plans and aspirations in having a good mix of defence and transport for future Lima events.

He also emphasised the ministry's participation this year, which is 40 per cent compared to the previous year.

"For Lima 2019, the MOT (Transport Ministry) pavilion is represented by the Civil Aviation Authority (CAAM), Marine Department of Malaysia, Air Accidents Investigation Bureau (AAIB), Port Klang Authority (PKA), Johor Port Authority, Penang Port Commission, Bintulu Port Authority and University Malaysia of Terengganu (UMT) and others.

"As for the country category, Turkey took the biggest pavillion followed by Russia, and United Kingdom, United States, China and France.

"The commercial pavilion is spearheaded by the Ministry of Transport, while the largest local company is Boustead Heavy Industries Corporation Bhd (BHIC) followed by National Aerospace & Defence Industries (NADI), Mubibbah Engineering Bhd and Sapura Group Bhd," he told the media in a briefing here today.

Loke also noted that the largest international company for Lima 2019 was Aselsan from Turkey, BAE Systems from the UK and Dassault Aviation from France.

He said the Marine Department was highlighting the e-Navigation, a system that provides marine information on board and ashore by electronic means to enhance berth navigation and related services for safety and security at sea and marine environment protection.

Further, at Lima 2019, the Malaysia Aviation Academy (MAvA) will also bring a simulator demo used for Air Traffic Control (ATC) officer during training.

"On the aviation side, Malaysia has been a member of International Civil Aviation Organisation (ICAO) since May 7, 1958, has also taken prominent role in the work of the council and continues to contribute significantly towards achieving ICAO's vision in the global aviation industry," Loke said.

The collaboration of the Defence and Transport ministries for Lima 2019 was in line with the theme 'Defence and Commercial Connecting Intelligence'.

The event also saw more than 400 official delegates from 46 countries present and more than 40,000 trade visitors are also expected to attend the five-day event.

Lima 2019 will officially kickstart tomorrow till March 30 at the Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) and at Resorts World Langkawi (RWL) for the maritime side.

The international-level event will feature defence and commercial, maritime and aerospace, shipbuilding and ship repair, civil aviation, manufacturers, maintennce, repair and overhaul (MRO), airport equipment and services, training and simulation, helicopters, safety and security equipment as well as unmanned systems, to name a few.

**PAPER : BERITA HARIAN/ PG 2**
**TITLE : TIGA GARIS PANDUAN DIPERINCI**
**BY : NURHAYATI ABLAH, PETAH WAZZAN ISKANDAR, LUQMAN ARIF ABDUL KARIM, MUHAMMAD MUSTAKIM RAMLI & NOORAZURA ABDUL RAHMAN**



# Tiga garis panduan diperinci

BERITA HARIAN / PG 2

## Tingkat kecekapan, tangani kerenah birokrasi


**Oleh Nurhayati Ablah, Petah Wazzan Iskandar, Luqman Arif Abdul Karim, Muhammad Mustakim Ramli dan Noorazura Abdul Rahman**
bhnews@bh.com.my


**Serdang**

Kerajaan akan memperkenalkan semula sistem kerja lama merangkumi prosedur manual, fail meja dan carta aliran tugas kepada penjawat awam bagi menangani kerenah birokrasi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sistem kerja berteraskan tiga garis panduan itu kini dalam fasa akhir perincian sebelum dihebahkan ke sektor perkhidmatan awam.

Katanya, beliau sudah berbincang dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Ismail Bakar untuk memperkenalkan balik sistem lama itu.

"Kalau tidak tahu buat tugas, perlu tanya kepada orang lain, dan ini akan melambatkan proses. Kalau ada carta aliran tugas, penjawat awam boleh laksanakan tugas dan serahkan tugas selanjutnya kepada orang lain.

"Apabila sampai ke pegawai tertinggi, perkara itu akan disemak sama ada dilakukan dengan betul sebelum meluluskan permintaan, dan ini boleh menangani isu birokasi," katanya pada sesi dialog sempena Perhimpunan Perdana Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

"Kerenah birokrasi ini lazimnya melambatkan kerja, justeru orang akan bagi upah untuk percepatkan proses"
Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

### Undang amalan rasuah

Mengakui wujudnya kerenah birokrasi dalam perkhidmatan awam, Dr Mahathir berkata, apa yang menjadi masalah apabila terlalu banyak proses yang terbabit untuk membuat sesuatu kerja, selain mengundang kesan negatif seperti amalan rasuah.

"Kerenah birokrasi ini lazimnya melambatkan kerja, justeru orang akan bagi upah untuk percepatkan proses. Itu rasuah dan ini tidak baik kepada sistem pentadbiran perkhidmatan kerajaan.

"Satu orang mahu mendirikan pelancongan di Langkawi. Dia terpaksa meminta permit daripada dekat 20 jabatan. Jadi lambatlah, kadangkala pegawai pun tidak begitu cekap atau tidak tahu apa tanggungjawabnya," katanya.

Pada masa sama, Dr Mahathir berkata, orang ramai juga perlu tahu prosedur untuk mendapatkan kelulusan sesuatu permohonan.

"Ada kala, mereka (orang awam) hanya mendapatkan kelulusan daripada satu jabatan tetapi mereka tidak tahu mereka perlu mendapat kebenaran tiga atau empat jabatan yang lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, KSN sedang berusaha membekalkan kepada orang awam buku prosedur berhubung apa yang perlu dilakukan sekiranya ingin membuat sesuatu urusan.

"Contohnya nak buka hotel, apa yang perlu dilakukan dan di mana tempat untuk dituju bagi mendapatkan kelulusan," katanya.

### Sokong pulih negara

Terdahulu dalam ucaptamanya, Perdana Menteri merayu anggota CUEPACS dan penjawat awam memberikan kerjasama kepada kepemimpinan kerajaan baharu bagi menyokong usaha pemulihan negara.

Beliau berkata, berbekalkan keamanan dan negara bebas daripada sebarang tindakan liar, usaha pemulihan berupaya dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun.

"Kita minta CUEPACS dan jentera kerajaan bersabar sikit, malah 'ikat perut' supaya hutang negara yang menjangkau nilai trilion ringgit angkara pentadbiran terdahulu dapat dikurangkan.

"Apabila hutang berkurangan, kita akan dapat membelanjakan wang ke arah usaha menangani peningkatan kos sara hidup dengan menyalurkan bantuan bersesuaian kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, pada Majlis Amanat Khas Perdana Menteri bersama Penjawat Awam Negeri Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar, Perdana Menteri turut mengingatkan penjawat awam supaya mengikis mentaliti materialistik, suka jalan mudah dan keinginan untuk cepat kaya.

Beliau berkata, amalan seperti ini boleh membawa kepada rasuah, penyelewengan serta salah guna kuasa.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa kecewa apabila terdapat segelintir pihak dilihat tidak mengambil berat mengenai betapa besarnya dosa mereka yang melakukan amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Katanya, sejarah menunjukkan betapa empayar Islam yang begitu gah serta agung jatuh dan musnah bermula dengan salahguna kuasa dan rasuah.

"Apabila rasuah dan salahguna kuasa berleluasa, maka kekuatan empayar ini semakin hari semakin berkurangan sehingga musuh Islam berjaya menjatuhkan dan menakluk mereka," katanya.